

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Tarikh : \_\_\_\_\_ (Untuk diisi oleh Cawangan)

**[Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran produk KAD AGRO VISA DEBIT-*i*.]**

### 1 Apakah Kad Agro Visa Debit-*i* (ADC-*i*)?

ADC-*i* adalah satu instrumen pembayaran yang membolehkan Pemegang Kad membuat pembayaran bagi harga barang dan perkhidmatan yang dibeli di kedai runcit dan institusi perkhidmatan yang mengambil bahagian melalui pendebitan terus dari akaun deposit anda. ADC-*i* juga membolehkan Pemegang Kad untuk mengeluarkan wang tunai di mana-mana mesin ATM menggunakan lambang MEPS dan Visa.

Untuk memiliki ADC-*i*, anda dikehendaki untuk mengekalkan Akaun deposit dengan Agrobank, untuk dihubungkan dengan ADC-*i* anda. Untuk transaksi yang berjaya, Pemegang Kad perlu mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaun deposit mereka sebelum membuat pembayaran. Jika anda menutup akaun deposit, ADC-*i* anda secara automatik akan dibatalkan.

### 2 Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan ialah ujah yang dibayar oleh satu pihak untuk perkhidmatan yang diberikan oleh pihak lain. Ujah akan terpakai apabila bayaran dikenakan oleh Agrobank bagi pengeluaran ADC-*i* kepada Pemegang Kad dan kemudahan yang ditawarkan dari semasa ke semasa untuk memudahkan pembayaran bagi pembelian barangan, perkhidmatan dan/atau pengeluaran wang tunai oleh Pemegang Kad.

### 3 Apakah ciri-ciri ADC-*i*?

Produk ini menawarkan kemudahan pembayaran dengan ciri-ciri kemudahan seperti berikut:

- a. Diterima oleh lebih daripada 30 juta tempat perniagaan di seluruh dunia di mana saudagarnya menggunakan lambang Visa.
- b. Akses pengeluaran wang tunai melalui ATM Agrobank, ATM MEPS dan lebih daripada 1.4 Juta di ATM VisaPlus.
- c. Kemudahan pendebitan terus dari Akaun Simpanan/Giro (CASA).
- d. Ciri-ciri keselamatan dengan "Keselamatan Smart Chip".
- e. Fleksibiliti dalam menghadkan had penggunaan.
- f. Pemberitahuan maklumat untuk penggunaan pertama dan transaksi melebihi RM150 terus ke telefon mudah alih Pemegang Kad.
- g. Penambahan keselamatan dengan proses pembelian melalui pengesahan PIN.
- h. Transaksi Visa paywave memudahkan pembelian dilakukan dengan hanya menyentuh kad di terminal 'contactless'

### 4 Apakah caj Pra-Kebenaran

Jumlah Pra-Kebenaran akan dikenakan ke akaun Pemegang Kad apabila bayaran dibuat di mana-mana stesen minyak melalui Automatic Fuel Dispenser (AFDs) menggunakan ADC-*i*.

Jumlah Pra-Kebenaran akan dikreditkan semula ke dalam akaun Pemegang Kad dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Pihak Bank akan mendebit semula jumlah sebenar transaksi tersebut dari akaun pelanggan.

Jika Pemegang Kad mahu mengelakkan transaksi caj Pra-Kebenaran di AFDs, Pemegang Kad dinasihatkan untuk membuat pembayaran melalui kaunter bawaran di mana jumlah pembayaran yang sebenar akan ditolak dari akaun Pemegang Kad atau dengan memilih jumlah pembelian yang dikehendaki di AFDs yang menyediakan fungsi itu.

Caj Pra-Kebenaran		
Perkara	Caj Terpakai	
Hotel & Kereta Sewa	Daftar Masuk	Caj Pra-Kebenaran akan terpakai
	Daftar Keluar	Amaun Pra-Kebenaran akan dibatalkan dan jumlah yang sebenar akan dikenakan
Petrol	Terminal Perkhidmatan Sendiri	RM 200 (Pra-Kebenaran tidak akan dikenakan untuk pembayaran di dalam kedai/di kaunter).

**5 Berapakah yuran (Ujrah) dan caj yang perlu dibayar?**

Yuran dan Caj	
Perkara	Fi/Caj
Pengeluaran Kad	RM8
Yuran Tahunan	RM8
Fi Penggantian Kad	RM10
<b>Pengeluaran Wang Tunai:</b>	
ATM Agrobank	Percuma
MEPS ATM Bank Tempatan	RM1 (setiap pengeluaran)
MEPS ATM Bank Asing	RM4 (setiap pengeluaran)
ATM VisaPlus	RM10 (setiap pengeluaran)
<b>Lain-lain:</b>	
Caj Draf Jualan (Original)	RM10
Caj Draf Jualan (Salinan)	RM5
Salinan Penyata (Bulanan)	RM5
Pertanyaan baki di ATM Agrobank, ATM MEPS dan ATM VisaPlus	Percuma
Yuran perkhidmatan (bagi transaksi di luar negara)	1.25%  Bagi urusan yang melibatkan mata wang asing, wang yang terdapat di dalam akaun pelanggan yang bersamaan dengan nilai penggunaan pelanggan mengikut kadar tukaran mata wang yang ditentukan oleh Visa International akan digunakan sebagai deposit sekuriti bagi menjelaskan jumlah penggunaan pelanggan apabila dituntut oleh pihak Visa International kelak;  Sekiranya jumlah penyelesaian kepada Visa International adalah lebih rendah berbanding dengan deposit sekuriti yang dipegang oleh pihak Bank, pelanggan mengenyepikan haknya (tanazul) untuk mendapatkan balik perbezaan di antara deposit sekuriti dan jumlah penyelesaian tersebut dan perbezaan tersebut akan dikira sebagai hak Bank.  Pihak Bank boleh mengenakan yuran perkhidmatan kepada pelanggan di atas perkhidmatan yang disediakan dan yuran tersebut adalah tambahan kepada deposit sekuriti yang di ambil.

Nota: GST akan dikenakan sebanyak 6% bagi yuran dan caj yang dinyatakan di atas.

## 6 Apakah had perbelanjaan harian saya?

Berikut adalah had masing-masing bagi pembelian harian dan had pengeluaran wang di ATM bagi ADC-i anda. Sekiranya anda memilih untuk meningkatkan atau mengurangkan had pembelian harian atau pengeluaran wang tunai harian di ATM untuk ADC-i anda, sila kunjungi mana-mana cawangan Agrobank kami. Had yang ditingkat atau diturunkan boleh dilaksanakan dengan menghubungi Pusat panggilan Agrobank di talian 1300-88-2476.

No.	Jenis Transaksi	Had Penggunaan Harian	Had Transaksi Harian
1	Pengeluaran Wang Tunai	Sehingga RM6,000	Tiada Had
2	Pembelian Runcit/Internet (Visa)	Sehingga RM2,000	Tiada Had
3	Pembelian Runcit (MyDebit)	Sehingga RM2,000	Tiada Had
4	Transaksi di terminal 'contactless' (setiap transaksi)	Sehingga RM250	Tiga (3) kali sehari

## 7 Bagaimana saya hendak melindungi ADC-i saya?

- Pemegang Kad hendaklah menandatangani di belakang ADC-i dengan serta-merta apabila menerima ADC-i.
- Lindungi Nombor Pengenalan Peribadi (PIN). Jangan menulis PIN anda pada ADC-i atau menyimpan ia bersama-sama dengan ADC-i.
- Pemegang Kad hendaklah menjalankan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan dan kecurian ADC-i atau pendedahan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) kepada mana-mana orang yang tidak dibenarkan.
- Sebarang kerugian dan kecurian ADC-i atau pendedahan PIN kepada orang yang tidak dibenarkan dan penggunaan tanpa kebenaran hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Bank dengan menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1300-88-2476.
- Pemegang Kad tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan ADC-i dan tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan atau pemilikan ADC-i atau menggunakannya untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memastikan dana yang mencukupi di dalam Akaun sebelum tarikh transaksi.
- Semak penyata Akaun atau buku penyata anda dari semasa ke semasa untuk memastikan transaksi yang dilaksanakan adalah betul.
- ELAKKAN memberi/berkongsi ADC-i anda kepada orang lain dengan apa sahaja alasan.
- ADC-i tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bank mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan ADC-i jika Pemegang Kad didapati menggunakan kad untuk aktiviti yang tidak sah.
- Pemrosesan transaksi yang dibuat menggunakan kad debit akan ditentukan oleh peniaga kedai.

## 8 Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Adalah menjadi kewajipan anda untuk melindungi dan mengambil tindakan berjaga-jaga untuk mencegah daripada kehilangan ADC-i dan nombor PIN anda. Anda perlu memberitahu Pihak Bank dengan segera atas kehilangan atau kecurian ADC-i atau pendedahan (atau pendedahan yang disyaki) PIN atau kata laluan. Anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi anda sebelum notis bertulis dihantar kepada Agrobank.

Di dalam keadaan di mana kad debit hilang atau dicuri, liabiliti anda untuk Urus Niaga Kad yang dipertikaikan terhad kepada jumlah maksimum RM250 setiap kad jika syarat berikut dipenuhi:

- Anda tidak bertindak secara menipu atau ternyata cuai atau menggalakkan penipuan atau kehilangan/kecurian kad debit, sama ada secara langsung atau tidak langsung; atau
- Anda telah memaklumkan Bank serta-merta selepas mendapati kad debit anda hilang atau dicuri atau apabila anda mengesyaki terdapat urus niaga tidak sah telah dilaksanakan menggunakan kad debit, jika tidak, anda bertanggungjawab atas segala liabiliti.

Dana yang tidak mencukupi di dalam akaun boleh membawa kepada ketidakupayaan Pemegang Kad untuk

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)**

**KAD AGRO VISA DEBIT-i**

meneruskan urus niaga, membuat pembayaran atau melakukan penageluaran wang tunai dengan menggunakan ADC-i.

**9 Apakah risiko-risiko utama bagi ADC-i?**

- a. Sekiranya Pemegang Kad kehilangan ADC-i, mereka harus memaklumkan kepada Pihak Bank dengan serta-merta untuk menyekat kad. Pemegang Kad perlu sentiasa memeriksa kad mereka berada pada mereka seperti mereka dengan wang tunai.
- b. Kehilangan dan kecurian ADC-i atau pendedahan PIN yang boleh membawa kepada penggunaan yang tidak dibenarkan.

**10 Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda terutamanya alamat dan nombor telefon bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya dan Pemegang Kad mudah dihubungi apabila diperlukan.

**11 Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya memerlukan maklumat lebih lanjut, sila kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan atau rujuk ke laman [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau hendak membuat laporan bagi kehilangan dan kecurian ADC-i, bolehlah menghubungi kami di:

Agrobank  
Leboh Pasar Besar  
P.O Box 10815  
50726 Kuala Lumpur  
Tel No: 1300-88-2476 (Malaysia)  
Tel No: 03- 2731 1600 (Luar Negara)  
Fax No: 03-2692 2053  
Email: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

**MAKLUMAT LAIN**

- Maklumat yang disediakan untuk helaian maklumat ini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon produk ini.

**Maklumat yang terdapat dalam Lembaran Maklumat ini adalah sah**

**Penafian:**

Pelanggan hendaklah mendapatkan pandangan daripada Penasihat Kewangan Bank di cawangan terdekat sebelum membuat keputusan untuk menerima produk ini.

Terma-terma dan syarat-syarat di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan.